Pertanyaan dari:

Raudah Khatib Kampari,

Sungai Rapat – Ipoh – Perak.

1. Apakah hukumnya di sisi agama Islam menghadiah dan meletakkan bunga di kubur orang yang bukan Islam dan menaburkan bunga di kubur orang-orang Islam sendiri.

2. Bagaimana hukumnya di sisi agama Islam menggugurkan anak di dalam perut.

Jawab (1)

1. Agama Islam adalah suatu agama yang menggalakkan orang-orang Islam berbaik-baik dengan sesama manusia, tidak kira apa bangsa dan apa agama selagi mereka itu tidak mengganggu dan tidak berniat jahat terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Dasar berbaik-baik ini ada ditegaskan di dalam sepotong ayat suci dari firman Tuhan di dalam *Sūrah al-Ḥujurāt* (13).

"Innā khalaqnākum min dhakari wa unthā wa ja'alnākum shu'ūbā wa qabā'ila li ta'ārafū, inna akramakum 'inda Allāh atqākum."

Maksudnya: " Sesungguhnya kami telah jadikan kamu daripada jenis lelaki dan perempuan dan kami jadikan pula kamu berpuak-puak dan bersuku bangsa supaya kamu dapat berkenal-kenalan di antara satu sama lain, bahawasanya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu."

Dengan ayat di atas nyatalah bahawa berkenal-kenalan dan berbaik-baik di antara sesama manusia itu adalah sesuatu perkara yang disuruh oleh Allah.

Jadi soal menghadiahkan bunga dan meletakkannya di kubur orang-orang yang bukan Islam dengan niat untuk berbaik-baik dan mengeratkan hubungan persahabatan dengan keluarga si mati itu adalah suatu pekerjaan yang baik dan tidak dilarang oleh Islam.

Lebih utama lagi kalau bunga-bunga itu ditaburkan di atas kubur orang-orang Islam di atas tujuan yang sama yang tidak membawa kepada salah iktikad dan syirik.

Kerana dalam soal ziarah kubur, al-Shahīd al-Shaykh Hassan al-Banna di dalam suatu risalahnya pernah berkata: "Ziarah kubur itu adalah sunnah dengan cara-cara yang telah ditentukan oleh syarak. Tetapi meminta sesuatu pertolongan kepada mayat-mayat yang berada di dalam kubur, atau memanggil-manggil nama mereka dari jauh mahu pun dari dekat, atau membina sesuatu bangunan di atas kubur, atau memasang kelambu dan memasang lampu-lampu di sekelilingnya dan menyapu-nyapu batu nisan dengan tujuan mendapat berkat daripada kubur itu adalah suatu perbuatan yang dilarang oleh syarak dan membawa kepada seseorang muslim itu menjadi syirik. Kerana perbuatan yang demikian itu sudah dianggap suatu perbuatan yang bidaah. Perbuatan-perbuatan bidaah yang seperti ini wajib ditentang dengan keras dan hendaklah dibasmi habis-habisan daripada masyarakat umat Islam."

Pada zaman permulaan Islam Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah melarang orang-orang Islam menziarahi kubur, lantaran masa itu iman mereka masih tebal menguasai hati-hati mereka. Tetapi setelah Islam berkembang larangan menziarahi kubur bagi kaum lelaki dibatalkan. Ini setelah Baginda melihat keimanan yang tertanam di jiwa orang-orang Islam telah mendalam dan adat-adat Jahiliyah telah mulai hilang dari ingatan mereka. Tetapi dengan syarat menziarahi kubur-kubur itu semata-mata dengan niat mengingatkan hari akhirat yang akan mereka tempuhi. Bukan dengan tujuan memuja-muja atau meminta sesuatu kepada mayat-mayat yang berada di dalam kubur itu. Sebagaimana sabdanya:

"An Buraydah qāla Rasūl Allāh ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam : 'Qad kuntu nahītukum 'an ziyārat al-qubūr, faqad udhina li Muḥammad fī ziyārati qabri ummuhu fazūrūhā, fainnahā tudhakkiru al-akhirat." (Rawāhu Muslim wa Abu Daud wa al-Tarmidhi).

Ertinya: "Dari Buraydah telah bersabda Rasulullah ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam: 'dahulu aku telah melarang kamu berziarah ke kubur, sekarang Muhammad telah mendapat izin untuk berziarah ke kubur ibunya, maka ziarahlah kamu akan kubur itu, sesungguhnya menziarahi kubur itu mengingatkan akhirat." (Hadith diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud dan Al-Tarmidhi)

Kesimpulannya ziarah kubur orang-orang Islam atau bukan Islam kalau dengan tujun yang baik tidaklah dilarang oleh syarak. Tetapi mendoakan mayat-mayat orang kafir itu adalah dilarang.

Jawab (2)

Ada pun menggugurkan anak dalam perut itu adalah haram dan berdosa. Dosanya sama seperti membunuh manusia.

Di dalam suatu hadith Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* menyuruh orang-orang Islam supaya berkahwin supaya mendapat anak dan Baginda pada hari qiamat kelak akan berbangga dengan banyak bilangan umatnya.

Biasanya di dalam masyarakat kita di hari ini, orang-orang perempuan yang suka menggugurkan anak yang di dalam perut itu ialah terdiri daripada isteri-isteri yang suami-suami mereka bergaji kecil kerana bimbangkan tidak terdaya untuk memberi sara hidup anak-anak itu.

Orang-orang daripada golongan ini telah terlupa akan jaminan Tuhan di dalam al-Qurʾān yang berbunyi:

"Wa lā taqtulū awlādakum min imlāq, naḥnu narzuqukum wa iyyāhum." Ertinya: "Janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kelaparan, kerana Kami yang memberi rezeki kamu dan rezeki mereka." (*al-An'ām* ayat 151). Di dalam *Sūrah Isrā'* ayat (31) Tuhan berfirman pula:

"Wa lā taqtulū awlādakum khashyata imlāq, naḥnu narzuquhum wa iyyākum, inna qatlahum kāna khiṭ'ā kabīrā" Ertinya : "Janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan, Kami yang memberi rezeki mereka dan rezeki kamu. Sesungguhnya membunuh mereka itu (anak) adalah suatu kesalahan (dosa) besar."

Orang-orang Islam yang benar-benar beriman dan percayakan kekuasaan Allah yang mengatasi segala kekuasaan di alam jagat ini, tidak akan mahu melakukan perbuatan yang sekejam itu, kerana menggugurkan anak di dalam perut itu adalah suatu perbuatan kejam yang tidak berperikemanusiaan. Terutama kalau bayi yang digugurkan itu sudah mempunyai sifat-sifat yang lengkap.

Berlindunglah kita daripada Allah daripada melakukan perbuatan yang sekejam ini.

Pertanyaan daripada:
Haji Baba bin Haji Abdul Ghani,
Khatib Masjid Kelemak – Melaka.

1. Tiga hari lepas dengan kuasa Tuhan lahir seorang bayi tiada bernyawa, sifat cukup. Lama dikandungi oleh ibunya sembilan bulan Satu puak kata masuk dalam fardu kifayah dan satu puak kata tidak masuk. Mana di antara satu puak yang benar ?

2. Katakanlah seorang tiada mengerjakan sembahyang dengan sengaja. Satu puak kata wajib qada', jika tidak, tidak boleh mengerjakan yang sunat.

Jawab (1)

Untuk menjawab pertanyaan tuan yang pertama ini kita harus mengkaji semula beberapa kewajipan berhubung dengan mayat atau jenazah di dalam kitab-kitab fikah.

Berhubung dengan soal mayat ini di mana-mana kitab fikah di dalam apa mazhab jua pun mewajibkan empat perkara:

Pertama: Memandikannya
Kedua: Mengapankannya.
Ketiga: Menyembahyangkannya.
Keempat: Menguburkannya.

Keempat-empat perkara ini adalah fardu kifayah yakni kalau dikerjakan oleh sebahagaian daripada penduduk negeri atau kampung tempat kematian itu, maka terlepaslah orang lain daripada dosa. Kalau tidak ada seorang jua pun yang mengerjakannya maka berdosalah sekalian penduduk negeri atau kampung itu.

Ada pun bayi yang lahir tiada bernyawa, cukup segala sifat anggotanya dan lama di dalam kandungan ibunya 9 bulan itu, adalah termasuk di dalam fardu kifayah – menurut mazhab Imam al-Shāfiʾī – melainkan seorang bayi yang gugur sebelum cukup bulan. Batasan yang dikatakan belum cukup bulan ialah bayi yang gugur kurang dari masa enam bulan dua saat.

Dalam keadaan ini hendaklah pula dilihat. Kalau bayi yang gugur kurang daripada enam bulan itu didapati bernyawa kemudian meninggal dunia, maka hukumnya seperti mayat biasa. Wajib dimandikan, disembahyangkan, dikafankan dan dikuburkan. Kalau didapati tidak bernyawa tetapi kelihatan sifat-sifat sebagai lembaga seorang manusia, wajib dimandikan dan tidak wajib disembahyangkan. Tetapi kalau bayi yang gugur itu belum ada kelihatan sifat-sifat sebagai lembaga seorang manusia maka tidak wajib dimandikan dan tidak wajib pula disembahyangkan.

Kalau bayi yang gugur itu lebih daripada masa enam bulan dua saat, maka hukumnya seperti mayat orang dewasa, sekalipun ia tidak bernyawa.

Jadi kesimpulannya setiap bayi yang lahir dari kandungan ibunya 9 bulan – seperti masalah yang tuan

musykilkan – sekalipun ia tiada bernyawa dan cukup sifat anggotanya, maka termasuklah ia di dalam fardu kifayah. Iaitu wajib dimandikan, disembahyangkan, dikafankan dan dikuburkan – menurut mazhab imam al-Al-Shāfi'ī .

Kita tidak perlu membahas perkara ini di dalam mazhab-mazhab yang lain. *Wa Allāh a'lam.*

Jawab (2)

Menurut mazhab Imam al-Shāfi'ī juga, bahawa tiap-tiap sembahyang lima waktu yang ditinggalkan – sama ada dengan sengaja atau tidak – itu adalah menjadi hutang kepada setiap orang muslim. Tiap-tiap hutang itu wajib dibayar.

Jadi setiap sembahyang yang ditinggalkan itu wajib diqada'. Sebelum sembahyang-sembahyang yang wajib itu diqada', tidak boleh mengerjakan amalan-amalan yang sunat.

Cuma bezanya sembahyang fardu yang ditinggalkan dengan tidak sengaja seperti tertidur atau terlupa orang meninggalkannya itu tidak berdosa. Tetapi orang-orang yang meninggalkan sembahyang fardu dengan sengaja itu adalah berdosa. Tetapi kedua-duanya wajib diqada'.

Kecuali orang-orang kafir yang masuk Islam, tidaklah wajib baginya qada' segala sembahyang yang ditinggalkannya semasa mereka belum masuk Islam. Begitu juga puasa dan ibadat-ibadat yang lain. Tetapi amal kebajikannya sebelum Islam tetap mendapat ganjaran yang baik dari Tuhan.

Begitu juga perempuan-perempuan Islam yang terpaksa meninggalkan sembahyang fardu dengan sebab uzur yang termaklum seperti haid, nifas dan wiladah, maka tiadalah wajib bagi mereka mengqada' sembahyang-sembahyang yang mereka tinggalkan dalam uzur itu.

Abu al-Mokhtar.

Anggota Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyah yang terdiri daripada kaum ibu sedang asyik mendengar perbincangan-perbincangan di dalam mesyuarat agung Jamiyah yang telah diadakan pada 2 haribulan Jun 1968 yang lalu.